



## PEKELILING MAJIKAN BIL. 2 TAHUN 2023

### PEMAKLUMAN NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI PERKESO

---

#### 1. PENGENALAN

Pertubuhan Keselamatan Sosial ("**PERKESO**") komited untuk melindungi data peribadi selaras Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**"). Bersandarkan kepada Prinsip Notis dan Pilihan, PERKESO mengeluarkan suatu Notis Perlindungan Data Peribadi di laman web korporat PERKESO bertajuk Lampiran A: Notis Perlindungan Data Peribadi PERKESO ("**Notis**"), yang turut dilampirkan bersama Pekeliling ini.

#### 2. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyampaikan Notis tersebut kepada Majikan dan Pekerja yang tertakluk kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan/ atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

#### 3. PENERANGAN NOTIS

Notis tersebut antara lain adalah untuk memaklumkan tentang pemprosesan data peribadi oleh pihak PERKESO, termasuk perkara-perkara pengumpulan, tujuan, penzahiran data peribadi serta hak dan tanggungjawab subjek data.

#### 4. ARAHAN KEPADA MAJIKAN

Semua Majikan dikehendaki **memanjangkan salinan Notis tersebut**, seperti di lampiran, **kepada semua Pekerja** yang tertakluk kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan/ atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

## 5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini perlu dikemukakan secara bertulis kepada pegawai kami seperti berikut:

Ketua Pegawai Bahagian Komunikasi Dan Hal Ehwal Korporat,  
Ibu Pejabat PERKESO  
*pdpa@perkeso.gov.my*

## 6. TARIKH KUAT KUASA

Notis ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.


Terima Kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

*"Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani"*

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED)  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Pertubuhan Keselamatan Sosial

**"PERKESO ITU PRIHATIN, PRIHATIN ITU PERKESO"**



## LAMPIRAN A

### NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI PERKESO

#### 1. PENGENALAN

- 1.1 Pertubuhan Keselamatan Sosial ("**PERKESO**") komited untuk melindungi data peribadi anda termasuk data peribadi sensitif menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Selaras dengan Prinsip Notis dan Pilihan, PERKESO dengan ini menyediakan Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") ini untuk memaklumkan anda tentang pemprosesan data peribadi anda oleh kami.
- 1.2 Untuk tujuan Notis ini, "anda" merujuk kepada subjek data (termasuk subjek data yang berumur di bawah 18 tahun) yang telah memberikan atau akan memberikan PERKESO persetujuan untuk memproses data peribadi mereka. Istilah "subjek data", "data peribadi", "data peribadi sensitif" dan "pemprosesan" hendaklah mempunyai maksud yang diperuntukkan dalam PDPA.
- 1.3 Dengan melanggan produk dan perkhidmatan PERKESO, anda bersetuju untuk memberikan persetujuan bagi PERKESO memproses data peribadi anda dan anda bersetuju bahawa anda telah memahami Notis ini.
- 1.4 Apabila anda memberikan data peribadi atau maklumat tentang orang lain, anda mengesahkan bahawa anda diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak mereka, untuk bersetuju bagi pemprosesan data peribadi mereka dan menerima Notis ini bagi pihak mereka.
- 1.5 Notis ini terpakai kepada data peribadi yang telah diproses sebelum dan selepas Notis ini dikeluarkan.

## 2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

- 2.1 Data peribadi yang kami kumpulkan mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada) perkara-perkara berikut:
- a. Butiran pengenalan diri seperti nama, nombor kad pengenalan/ nombor pasport/ nombor polis/ nombor tentera, bangsa, jantina, kewarganegaraan, nombor pekerja PERKESO; tarikh lahir, nombor sijil kelahiran & umur;
  - b. Butiran untuk dihubungi seperti alamat, nombor telefon & alamat e-mel;
  - c. Butiran pekerjaan seperti nama majikan, status pekerjaan, sejarah pekerjaan, gaji, slip gaji & resume;
  - d. Maklumat perbankan seperti nama bank & nombor akaun bank;
  - e. Data peribadi sensitif seperti maklumat kesihatan dan perubatan & agama;
  - f. Maklumat biometrik seperti cap jari, tandatangan & tandatangan elektronik;
  - g. Alamat IP (nama pengguna/ pengenalan ahli/ pengenalan log masuk); dan
  - h. Kuki.
- 2.2 Data peribadi yang dikumpul adalah daripada sumber-sumber berikut:
- a. Maklumat dan/atau dokumen yang didaftarkan oleh majikan (jika berkaitan);
  - b. Maklumat dan/atau dokumen yang dikemukakan kepada PERKESO oleh majikan (jika berkaitan);
  - c. Maklumat dan/atau dokumen yang didaftarkan oleh anda;
  - d. Maklumat dan/atau dokumen yang dikemukakan kepada PERKESO oleh anda atau pihak ketiga yang diberi kuasa oleh anda (jika perlu);
  - e. Biometrik, jejak kaki digital, geolokasi, imej video dan rakaman suara yang diperoleh semasa interaksi, sama ada secara fizikal atau melalui saluran digital;
  - f. Pengumpulan data daripada sumber luaran yang sah dan umum seperti media sosial, forum perbincangan, tapak web, saluran dalam talian lain, tinjauan, soal selidik dan borang;
  - g. Data dikongsi dan dikeluarkan oleh kerajaan, pihak berkuasa, badan berkanun dan badan kawal selia; dan
  - h. Laman-laman web PERKESO.
- 2.3 Maklumat dan/atau dokumen seperti di atas boleh dikumpulkan melalui serahan kendiri, platform dalam talian, aplikasi mudah alih atau melalui telefon, e-mel atau mel biasa, kumpulan fokus dan temu bual bersemuka dan lain-lain.

### **3. TUJUAN PENGUMPULAN DAN PEMPROSESAN DATA PERIBADI**

- 3.1 Data peribadi boleh dikumpul dan/atau diproses oleh PERKESO untuk tujuan berikut:
- a. Pentadbiran produk dan perkhidmatan di bawah Akta-akta PERKESO;
  - b. Pendaftaran, permohonan dan/atau transaksi berkaitan di bawah Akta-akta PERKESO;
  - c. Aktiviti secara langsung atau tidak langsung berkaitan PERKESO dalam menjalankan fungsinya;
  - d. Pengenalpastian orang berinsurans / orang berinsurans bekerja sendiri / suri rumah berinsurans / orang tanggungan ;
  - e. Komunikasi dan surat-menjurat;
  - f. Aktiviti pemasaran dan promosi;
  - g. Aktiviti teknologi maklumat;
  - h. Statistik dan pelaporan agensi;
  - i. Penyelidikan untuk PERKESO dan/atau agenda nasional;
  - j. Analisis perisikan perniagaan; dan
  - k. Sebarang tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang di Malaysia, peraturan, garis panduan dan/atau badan kawal selia yang berkaitan.
- 3.2 Data peribadi boleh dikumpul dan/atau diproses daripada laman-laman web PERKESO oleh PERKESO untuk tujuan berikut:
- a. Alamat IP digunakan untuk mengenal pasti tempat anda mengakses laman web kami dan untuk membantu mengenal pasti masalah dengan penyemak imbas kami; dan
  - b. Kuki digunakan untuk menyimpan pilihan pelawat dan untuk merekod maklumat sesi; ini adalah untuk memastikan tahap perkhidmatan yang lebih baik untuk anda. Anda boleh melaraskan tetapan pada penyemak imbas anda supaya anda dimaklumkan apabila anda menerima kuki.

### **4. PENZAHIRAN DATA PERIBADI**

- 4.1 Data peribadi yang kami simpan akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, untuk PERKESO menyediakan produk dan perkhidmatan dengan berkesan, dan tertakluk kepada undang-undang pada setiap masa (termasuk peraturan, arahan pentadbiran dan garis panduan), data peribadi anda mungkin dizahirkan atau dikongsi kepada pihak-pihak berikut:
- a. Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan Persekutuan, sebagaimana yang dibenarkan dan dikehendaki oleh undang-undang;

- b. Agensi penguatkuasaan, badan kawal selia dan agensi-agensi kerajaan, seperti yang dibenarkan dan dikehendaki oleh undang-undang;
- c. Anak syarikat dan sekutu PERKESO;
- d. Pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa oleh PERKESO yang telah memeterai perjanjian kontrak untuk menjalankan beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti kami. Pihak yang berkontrak dikehendaki mematuhi piawaian privasi yang sama seperti PERKESO dan tertakluk kepada PDPA;
- e. Rakan kongsi strategik yang mempunyai hubungan dengan PERKESO berkenaan produk dan perkhidmatan keselamatan sosial. Pihak yang berkontrak dikehendaki mematuhi piawaian privasi yang sama seperti PERKESO dan tertakluk kepada PDPA; dan
- f. Pihak yang diberi kuasa dan dipersetujui oleh anda.

## 5. DASAR KESELAMATAN

- 5.1 PERKESO akan melakukan yang terbaik untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi anda. Data anda sama ada dalam bentuk fizikal atau digital akan dilindungi selaras dengan polisi keselamatan siber PERKESO. Ini selaras dengan amalan dan piawaian terbaik pasaran serta mematuhi kepada pihak-pihak berkuasa dan peraturan-peraturan yang berkaitan.
- 5.2 Jika PERKESO menzahirkan sebarang data peribadi kepada pihak yang diberi kuasa, mereka dikehendaki melindungi data peribadi yang diberikan kepada mereka dengan sewajarnya.
- 5.3 PERKESO hanya akan menyimpan data peribadi anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan di bawah Artikel 3 atau untuk mematuhi keperluan undang-undang yang terpakai atau mematuhi mekanisme kawalan dalam yang berkenaan.
- 5.4 PERKESO akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan semua data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ia tidak lagi diperlukan.

## 6. HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANDA

- 6.1 Anda mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
  - a. Akses data peribadi anda;
  - b. Betulkan / kemas kini data peribadi anda dari semasa ke semasa untuk memastikan data yang diberikan adalah tepat, terkini dan lengkap;
  - c. Tidak memberikan data peribadi anda kepada PERKESO; dan

- d. Tarik balik / hadkan persetujuan kepada PERKESO untuk memproses data peribadi.
- 6.2 Merujuk perkara di atas, kegagalan untuk memberikan data peribadi secara keseluruhan atau sebahagian atau menarik balik / mengehadkan persetujuan kepada PERKESO untuk memproses data peribadi mungkin menyebabkan PERKESO tidak dapat menyediakan produk atau perkhidmatan kepada anda.
- 6.3 Anda bertanggungjawab untuk memberikan PERKESO data peribadi yang lengkap, terkini dan tepat. Anda memahami dan mengakui bahawa PERKESO akan menerima data peribadi yang diberikan atas dasar 'seadanya' dan bahawa anda bertanggungjawab untuk memaklumkan PERKESO secara bertulis jika terdapat kesilapan atau perubahan pada data peribadi yang diberikan untuk pembetulan.
- 6.4 Anda boleh menghantar permintaan untuk tujuan di bawah Artikel 6.1 dan menghantar makluman di bawah Artikel 6.3, secara bertulis ke alamat e-mel ini:

*pdpa@perkeso.gov.my*

- 6.5 Sebarang permintaan mengakses data (lihat Artikel 6.1.a.) boleh dikenakan suatu fi yang ditetapkan oleh PERKESO selaras dengan peruntukan PDPA.

## 7. PENGEMASKINIAN NOTIS PRIVASI PERKESO

- 7.1 PERKESO berhak untuk menukar dan/atau mengemas kini Notis ini dari semasa ke semasa.
- 7.2 Jika terdapat sebarang perubahan / kemas kini yang ketara pada Notis ini, kami akan memaklumkan anda dengan memaparkan notis perubahan tersebut di laman web kami. Sila semak Notis Perlindungan Data Peribadi PERKESO dari semasa ke semasa untuk kekal dimaklumkan tentang cara PERKESO melindungi data anda.
- 7.3 Notis Perlindungan Data Peribadi PERKESO tersedia dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Versi bahasa Inggeris akan terpakai sekiranya terdapat ketidakselarasan antara kedua-dua versi tersebut.

## 8. HUBUNGI PERKESO

- 8.1 Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi termasuk Notis ini boleh dikemukakan, secara bertulis kepada:

Ketua Pegawai Bahagian Komunikasi Dan Hal Ehwal Korporat,  
Ibu Pejabat PERKESO  
*pdpa@perkeso.gov.my*

## 9. TARIKH KUAT KUASA

- 9.1 Notis ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Terima Kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

*"Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani"*

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED)  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Pertubuhan Keselamatan Sosial

"PERKESO ITU PRIHATIN, PRIHATIN ITU PERKESO"